

# Rakyat modal terbesar negara: Dr. M

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat adalah modal terbesar negara yang boleh digunakan bagi menjadikan negara ini bukan sahaja kaya-raya, malah bermaruah, dihormati dan disegani dunia.

Belliau berkata, sebab itulah kerajaannya kini sedang giat menggerakkan tenaga manusianya untuk mengelakkan rakyat dari dihina dan seterusnya berdiri sama tegak dan dukuk sama rendah dengan negara-negara maju.

"Negara kita kaya dengan sumber-sumber alam. Tetapi tenaga manusianya tetap menjadi modal terbesarnya untuk maju," kata belliau di majlis jamuan makan malam anjuran Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Melaka, semalam.

Di samping menyeru rakyat supaya sentiasa mempertingkatkan tahap kecakapan mereka, Perdana Menteri juga memberitahu, kemajuan yang ingin dinikmati memerlukan pengorbanan.

## Menghalang

"Rakyat mesti sanggup bekerja kuat dan mesti sanggup menderita di waktu kesusahan.

"Sebab itulah kita tekankan dasar pandang ke Timur di mana orang-orang di Jepun dan Korea misalnya, di peringkat permulaan, bukan sahaja bekerja untuk diri sendiri malah untuk nusa dan bangsa mereka," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir, bagaimanapun mengingatkan rakyat akan adanya unsur-unsur tidak sihat dari Barat yang ingin menghalang usaha-usaha pembangunan terutamanya di bidang perindustrian.

Katanya, golongan yang mendesak supaya kita jangan bekerja kuat itu tidak mahu melihat negara ini bersaing dengan negaranya di bidang perindustrian dan seterusnya menggugat ekonomi mereka.

Belliau selanjutnya memberikan contoh bagaimana negara-negara Arab yang kaya dengan minyak masih menghadapi berbagai tekanan dari ne-

MELAKA, Sabtu

gara-negara Barat kerana tidak berkebolehan mengeluarkan minyak sendiri, di samping masih bergantung kepada Barat untuk melaburkan wang mereka.

Belliau juga mengingatkan pemimpin-pemimpin memberikan contoh yang baik supaya tidak dicap sebagai 'cakap tak serupa bikin'.

Tajuk ucapan kegemaran Perdana Menteri itu selain merangkumi keseluruhan rakyat, juga ditujukan khusus kepada rakyat Melaka, memandangkan negeri itu tidak mempunyai sumber alam yang banyak kecuali tenaga manusianya.

## Peredaran

Sementara itu, sewaktu merasmikan pelancaran Syarikat Pertanian Negeri Melaka Sendirian Berhad di Kuala Sungai Baharu, dekat sini hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menggesa petani supaya menyahut peredaran zaman dengan mengamalkan kaedah pertanian moden bagi menambah pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Belliau yang yakin petani-petani tidak lagi mahu hidup 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' berkata, petani tidak harus berpuas hati dengan cara pertanian tradisi yang diwarisi dari nenek-moyang mereka.

"Masa telah beredar daripada menggunakan kerbau untuk membajak sawah dengan tenggala, dan kini adalah zaman menggunakan jentera yang boleh menjamin pendapatan lebih tinggi," tambahnya.

Kini pula, tambahnya, kerajaan sedang berusaha menggalakkan petani supaya berusaha mengusahakan tanah mereka secara berkelompok untuk membolehkan penggunaan jentera dan lain-lain input pertanian dengan lebih ekonomik.

Katanya, projek penanaman padi secara berkelompok telah dilancarkan secara percubaan di Asam Jawa, Kedah di mana ia telah pun berjaya.